



Transkrip Wawancara Bersama Encik Muhammad Dain bin Othman
Mengenai Pengalaman Dan Perjuangan Beliau Dalam Mengekalkan
Dan Memartabatkan Ciri-Ciri Dominan WKMAK (Wayang Kulit Melayu Asli
Kelantan)

OLEH:

NORHAFIZA BINTI SAMSUDIN

2012238244

ANIS NABEELA BINTI AZMAN

2012634504

Projek Dimajukan Kepada Fakulti Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi
Mara, Segamat Bagi Memenuhi Keperluan Imr 604: Dokumentasi Sejarah Lisan

Semester 05 (September 2013-Januari 2014)

PENGHARGAAN

Setinggi-tingi penghargaan dirakamkan kepada Puan Azura binti Kamarudzaman, pensyarah subjek IMR 604 Dokumentasi Sejarah Lisan di atas nasihat dan tunjuk ajar beliau yang dicurahkan kepada kami. Segala tunjuk ajar beliau menjadi panduan untuk kami berusaha menghasilkan transkrip ini pada masa-masa akan datang. Jutaan terima kasih juga kami tujukan kepada Encik Muhammad Dain bin Othman kerana sudi meluangkan masa untuk ditemuramah dan berkongsi pengalaman dalam menjayakan projek pendokumentasian ini agar jasa beliau sentiasa dikenang pada masa akan datang. Penghargaan buat Encik Muhammad Dain bin Othman kerana memberikan sepenuh perhatian dan sokongan bagi menjayakan projek pendokumentasian sejarah lisan ini.

Rakaman setinggi-tinggi terima kasih juga buat pihak Galeri Wayang Kulit Tradisional Melayu Kelantan (WKMTK) terutamanya kerana dengan rela hati menerima kedatangan untuk menemuramah Encik Muhammad Dain bin Othman sebagai Pengasas kepada Galeri WKMTK). Berkat usaha kami dan doa daripada ibu bapa yang banyak memberikan sokongan demi kejayaan kami di dalam pelajaran, maka terhasillah transkrip temubual ini. Tidak dilupakan, sahabat-sahabat seperjuangan kami yang banyak membantu dan member tunjuk ajar sepanjang proses menyiapkan transkrip ini. Oleh itu kami berharap agar transkrip temubual ini akan memberi manfaat kepada penyelidik serta generasi akan datang. Kami berharap para pembaca mahupun penyelidik dapat menerima hasil kerja kami sebagai kejayaan bersama.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Bil.	Tajuk	Muka Surat
	Abstrak	
1.0	Pengenalan	1 – 2
2.0	Sejarah dan Asal Usul Wayang Kulit	3 – 5
3.0	Peranan Wayang Kulit Dalam Konteks Sosio Budaya Masyarakat	5 – 7
4.0	Jenis Dan Bentuk Wayang Kulit di Malaysia	8 – 13
5.0	Perbezaan di Antara setiap Jenis Wayang Kulit	14
6.0	Jenis Alat Muzik Wayang Kulit	15 – 20
7.0	Proses Membuat Patung Wayang Kulit	21 – 22
8.0	Wayang Kulit Kelantan : Struktur Persembahan Dan Peranannya Dalam Sosio Budaya Masyarakat	23
9.0	Susunan Pemain dan Alat Muzik dalam Panggung Wayang Kulit	24
10.0	Cerita di dalam Wayang Kulit Kelantan	26 – 27
11.0	Bahasa yang digunakan dalam Wayang Kulit Kelantan	27 – 28

ABSTRAK

**Transkrip Wawancara Bersama Encik Muhammad Dain bin Othman
Mengenai Pengalaman Dan Perjuangan Beliau Dalam Mengekalkan
Dan Memartabatkan Ciri-Ciri Dominan WKMAK (Wayang Kulit Melayu Asli
Kelantan)**

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Muhammad Dain bin Othman atau lebih dikenali sebagai Pak Dain mengenai pengalaman dan perjuangan beliau dalam mengekalkan dan memartabatkan ciri-ciri dominan WKMAK (Kulit Melayu Asli Kelantan) dari aspek persembahan dan pendalangan. Transkrip temubual ini telah dijalankan di pejabat beliau Galeri Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan di Kampong Morak, Palekbang, Kelantan pada 16 haribulan Disember dua ribu tiga belas, (16 Disember 2013) bermula sekitar jam dua belas (12) tengah hari. Beliau merupakan seorang yang sangat berjiwa seni dan telah banyak menyumbang dalam memartabatkan seni tradisional wayang kulit di Malaysia ini. Beliau juga telah menubuhkan galeri yang diberi nama Galeri Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan (WKMTK) dan pasukan pelapis WKMTK dimana pembiayaan pembinaannya ditanggung sendiri oleh beliau tanpa mengharapkan bantuan mana-mana pihak. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau, penglibatan beliau di dalam bidang seni dan kebudayaan khususnya wayang kulit. Temubual ini menumpukan tentang pengalaman dan perjuangan dalam mengekalkan dan memartabatkan ciri-ciri dominan WKMAK yang beliau lalui sepanjang bergelar anak seni. Selain itu, beberapa pendapat beliau mengenai seni tradisional wayang kulit yang mungkin kian pudar dan malap dek kemajuan pada zaman sekarang.*

Kata Kunci: *Pak Dain, wayang kulit, WKMAK (Wayang Kulit Melayu Asli Kelantan), Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan (WKMTK), Galeri WKMTK, seni tradisional wayang kulit, pendalangan, budaya*

1.0 PENGENALAN

Sejarah lisan ialah satu proses merekod sejarah-sejarah yang berlaku melalui temuramah atau wawancara ke atas pihak yang menyaksikan, mengalami atau terlibat secara langsung dalam sesuatu peristiwa yang memberi impak kepada negara. Sejarah lisan penting bagi mendapatkan gambaran dan maklumat sebenar tentang satu peristiwa atau perkara yang telah berlaku melalui sumber utama iaitu orang yang terlibat atau orang yang mengalami peristiwa tersebut. Melalui sejarah lisan, ia akan dapat mengelakkan perubahan fakta atas kepentingan sesuatu pen. Sejarah lisan dirakam menggunakan kaset bagi memelihara kandungan bahan tersebut. Ia memerlukan dua pihak yang terlibat iaitu penemuramah dan pihak yang ditemuramah. Tokoh atau saksi berkenaan mestilah mempunyai bukti yang sah akan penglibatan mereka dalam peristiwa tersebut.

Saya Norhafiza binti Samsudin bersama rakan saya Anis Nabeela binti Azman berminat untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkenaan dengan seni tradisional wayang kulit ini yang merupakan kesenian tradisional yang telah ada sejak beberapa abad yang lalu iaitu sejak zaman prasejarah, yang kemudian berkembang sesuai mengikut zamannya. Tetapi tatkala kemajuan dan hiburan moden mendapat perhatian dan tempat, wayang kulit berdepan dengan masa depan yang tidak menentu dan disisih dan di ketepi serta seolah-olah tidak diperlukan. Perkataan tradisional tersebut menyebabkan ia dianggap sesuatu yang terkebelakang dalam arus hidup sekarang, sesuatu yang membosankan dan nilainya tidak lebih daripada sesuatu yang bersifat tradisi dan nostalgik menyebabkan wayang kulit kini semakin lama semakin malap.

Di sini kami ingin mengupas kembali berkenaan dengan seni tradisional wayang kulit ini. Kami berpeluang menemuramah seseorang yang memainkan peranan yang besar dalam bidang seni dan budaya wayang kulit ini. Beliau merupakan seorang yang sangat berpengalaman dalam seni ini dan beliau juga merupakan orang yang berjuang dalam mengekalkan dan memartabatkan ciri-ciri dominan WKMAK (Wayang Kulit Melayu